



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 SEPTEMBER 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Bantah perubahan pelan

40



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 SEPTEMBER 2017 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bantah perubahan pelan
Muka Surat	40

Bantah perubahan pelan

Penduduk Taman Melawati hantar petisyen bantah cadangan pembinaan pusat konvensyen

AMPANG - Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C akan menghantar petisyen serta dokumen berhubung bantahan cadangan projek pembinaan sebuah pusat konvensyen di sini, kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Pengerusinya, Razman Hakimi Mohammad berkata, pihaknya juga telah mengumpul lebih 2,900 tandatangan orang ramai yang membantah cadangan pembinaan itu.

"Petisyen dan dokumen itu juga akan diserahkan kepada pemaju dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)," katanya.

Razman berkata, penduduk mendakwa, pada awalnya ada cadangan untuk membina sebuah taman rekreasi di tapak berkeluasan 1.36 hektar itu, namun ia dipercayai

ditukar kepada pembinaan pusat konvensyen tanpa pengetahuan penduduk.

"Pada lima tahun lalu, penduduk telah bersetuju untuk pembinaan sebuah taman rekreasi dan mengekalkan kawasan hijau menerusi *public hearing* serta mesyuarat dengan pemaju dan MPAJ."

"Namun, pada 18 Mei lalu, kami telah dimaklumkan untuk menghadiri mesyuarat dengan MPAJ untuk mendengar perubahan pelan oleh pemaju untuk menggantikan pembinaan pusat konvensyen daripada taman rekreasi," katanya.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, pihaknya telah mengarahkan MPAJ untuk mengadakan perbincangan berhubung isu yang dibangkitkan penduduk.

"Saya harap taman rekreasi akan

INFO • Sebelum ini penduduk telah bersetuju pembinaan sebuah taman rekreasi di tapak itu bagi mengekalkan kawasan hijau

dikekalkan di tapak itu, MPAJ harus berjumpa dengan penduduk supaya tidak terjadi percanggahan bagi memudahkan komunikasi antara dua pihak.

"Kita mahu taman rekreasi dibangunkan di tapak itu, malah saya sanggup korbakan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Gombak yang berada di tapak itu untuk pembangunan taman rekreasi itu," katanya.



Razman Hakimi (tiga, kanan) menunjukkan tapak cadangan pembinaan pusat konvensyen.